

## **SOALAN LAZIM / FREQUENTLY-ASKED QUESTIONS (FAQ)**

### **PELAPORAN PROGRAM ‘AI UNTUK RAKYAT’ DALAM KALANGAN PENJAWAT AWAM MELALUI MODUL PROGRAM PEMBANGUNAN KOMPETENSI (PPK) HRMIS**

<b>NO.</b>	<b>SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>
1	Agensi saya tidak mengguna pakai modul Program Pembangunan Kompetensi (PPK) HRMIS untuk merekod latihan. Adakah saya masih perlu menggunakan modul ini untuk merekod <i>Program AI Untuk Rakyat</i> yang telah diikuti?	Ya, pemilik kompetensi/penjawat awam perlu merekod <i>Program AI Untuk Rakyat</i> yang telah diikuti ke dalam modul Program Pembangunan Kompetensi HRMIS.  Ini bagi membolehkan pihak JPA menyediakan laporan penyertaan penjawat awam secara bersepadu.
2	Saya telah merekod <i>Program AI Untuk Rakyat</i> ke dalam modul PPK sebelum ini dan telah disahkan sebagai 1 hari berkursus. Adakah saya perlu merekod semula program ini?	Bagi pemilik kompetensi/penjawat awam yang telah mengisi lebih awal dan disahkan sebagai 1 hari berkursus, mereka tidak perlu mengisi semula rekod tersebut.
3	Saya telah merekod <i>Program AI Untuk Rakyat</i> ke dalam modul PPK sebelum ini dan telah disahkan tetapi tidak direkodkan sebagai 1 hari berkursus. Adakah saya perlu merekod semula program ini?	Bagi mendapatkan 1 hari berkursus, rekod sebelum ini perlu dihapuskan dan pemilik kompetensi/penjawat awam perlu merekod semula Program AI Untuk Rakyat.
4	Adakah saya perlu mengisi sebanyak dua kali; iaitu satu untuk AI Aware dan satu untuk AI Appreciate?	Tidak, pemilik kompetensi/penjawat awam hanya perlu merekod sekali sahaja, dengan memuat naik kedua-dua lencana AI Aware dan AI Appreciate.
5	Saya telah selesai <i>Program AI Untuk Rakyat</i> tetapi tidak memuat turun lencana. Bagaimana saya boleh mendapatkan semula lencana tersebut?	Lencana boleh dimuat turun dari laman web <a href="http://www.ai.gov.my">www.ai.gov.my</a> .
6	Saya tidak ingat tarikh menyelesaikan <i>Program AI Untuk Rakyat</i> . Bagaimana saya boleh mengetahui tarikh selesai program?	Pemilik kompetensi/penjawat awam boleh menggunakan tarikh semasa yang dipaparkan secara automatik ketika mengisi rekod di HRMIS.
7	Saya tidak berjaya memuat naik lencana kerana saiz fail yang besar.	Saiz maksimum lencana yang boleh dimuat naik ke dalam HRMIS adalah 2MB (bagi setiap lampiran). Manakala format lencana yang diterima adalah PNG dan PDF sahaja.  Saiz fail boleh dikecilkan dengan cara memilih kaedah 'print to PDF' atau menggunakan perisian yang ditawarkan secara percuma dalam talian.

<b>NO.</b>	<b>SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>
8	Adakah Kementerian/Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri masih perlu mengemukakan laporan bilangan penyertaan pegawai kepada JPA menggunakan format seperti e-mel bertarikh 30 Januari 2024?	Tidak. Laporan bilangan penyertaan <i>Program AI Untuk Rakyat Dalam Kalangan Penjawat Awam</i> akan dijana dan dipantau melalui HRMIS.